

17/09/2003

LKM ganti cukai jalan motosikal bawah 150cc

Mohd Azlan Jaafar

PUTRAJAYA: Pemilik motosikal berkuasa 150cc ke bawah dan golongan kurang upaya, yang diberikan pengecualian cukai jalan bagi kenderaan mereka dalam Bajet 2004, diwajibkan mendapatkan Lesen Kenderaan Motor (LKM), berkuat kuasa serta merta.

Permohonan dan pembaharuan untuk LKM pada caj RM2 mesti dilakukan setiap tahun bagi memastikan pemilik kenderaan terbabit tidak mengabaikan tanggungjawab mengambil insurans, sekurang-kurangnya perlindungan pihak ketiga, seperti ditetapkan mengikut Seksyen 90 Akta Pengangkutan Jalan 1987.

Pemilik kenderaan dan motosikal terbabit juga wajib mempamerkan LKM dengan jelas pada kenderaan masing-masing seperti ditetapkan undang-undang untuk pemeriksaan polis atau pihak berkuasa lain. Mereka yang gagal mendapatkan LKM akan dikenakan tindakan mengikut Akta Pengangkutan Jalan.

Menteri Pengangkutan, Datuk Chan Kong Choy, memberitahu sidang akhbar di sini semalam, pemilik motosikal dan kenderaan orang cacat boleh memperbaharui LKM di semua pejabat Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ).

"Mereka harus mendapatkan perlindungan insurans ketika memohon atau memperbaharui LKM setiap tahun mengikut tempoh insurans yang dibeli.

"Pemilik juga perlu mempamerkan LKM pada motosikal atau kenderaan dengan jelas untuk pemeriksaan. Dan kita akan meneruskan penguatkuasaan seperti biasa bagi memastikan mereka mempunyai LKM," katanya.

Hadir sama pada sidang akhbar itu ialah Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan, Datuk Zaharah Shaari dan Ketua Pengarah JPJ, Datuk Emran Kadir.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika membentangkan Bajet 2004 Jumaat lalu di Parlimen, mengumumkan motosikal berkuasa tidak melebihi 150 cc dikecualikan cukai jalan. Dianggarkan ada enam juta motosikal di negara ini, sebahagian besarnya berkuasa 150 cc ke bawah.

Pemansuhan cukai jalan itu yang berkuat kuasa serta-merta akan mengurangkan beban kewangan golongan muda seperti pelajar institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan swasta serta belia.

Sebelum pemansuhan itu, pemilik motosikal perlu membayar RM50 bagi motosikal berkuasa kurang 75 cc, RM55 (75 - 100 cc) dan RM65 (101 - 150 cc) di Semenanjung dan RM12 hingga RM24 bagi motosikal berkuasa antara 75 hingga 150 cc di Sarawak.

Di Sabah, cukai jalan bagi semua motosikal hanya RM50 setahun.

Dalam Bajet 2004, Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan mengumumkan pengurangan cukai jalan 50 peratus bagi bas pekerja selain pemansuhan cukai jalan kereta, van dan motosikal yang dimiliki orang kurang upaya.

Chan menjelaskan, pemansuhan cukai jalan bagi motosikal tidak melebihi 150 cc itu akan menyebabkan kerajaan kehilangan pendapatan sebanyak RM224.4 juta setahun, membabitkan 4.16 juta motosikal di seluruh negara.

Dalam perkembangan berkaitan, beliau berkata, pembaharuan dan permohonan untuk LKM bagi golongan yang diberikan pengecualian itu hanya boleh dilakukan di pejabat JPJ.

"Pemilik dikehendaki ke pejabat JPJ kerana ketika ini Pos Malaysia sedang melakukan pengubahsuaian kepada sistemnya bagi melaksanakan keputusan kerajaan itu. Pengumuman akan dibuat apabila Pos Malaysia bersedia memberikan perkhidmatan itu," katanya.

Bagi permohonan dan pembaharuan LKM di pejabat Pos, caj perkhidmatan tambahan RM2 dikenakan selain bayaran RM2 untuk LKM.

Beliau menggesa pemilik kenderaan mematuhi peraturan baru itu termasuk mendapatkan perlindungan insurans kerana tindakan dan penguatkuasaan berterusan akan diteruskan.